

TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH KEPADA KELUARGA PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH

RUJUKAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1978
2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2003

PELAKSANAAN

3. **Pegawai yang meninggal dunia semasa berkhidmat di luar wilayah asalnya.**
4. Tambang pengangkutan termasuk **tambang bagi semua ahli keluarga** yang masih dalam tanggungan pegawai bagi mengiringi jenazah pegawai untuk dikebumikan di wilayah asalnya.
5. **Tambang kepada seorang ahli keluarga akan ditanggung untuk kembali ke tempat bertugas pegawai bagi urusan pemindahan barang-barang.**

TAFSIRAN

6. **Keluarga Pegawai** bermaksud suami atau isteri dan anak-anak yang di bawah umur 21 tahun yang masih dalam tanggungan pegawai termasuk juga anak tiri dan anak angkat yang diiktiraf oleh undang-undang. Walaubagaimanapun, anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had umur ini tidak akan dipakai.

KADAR

6. Kemudahan ini diberikan mengikut kadar semasa dan jawatan pegawai.